

09/05/1999

Fauzi ingatkan pihak cuba persoal kesetiaan

KUANTAN: Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Fauzi Abdul Rahman, mengingatkan pihak yang cuba mempersoalkan kesetiaannya terhadap Umno supaya mencerminkan diri mereka dahulu sebelum berbuat demikian.

Menurutnya, sepanjang pembabitannya dalam Umno sejak 26 tahun lalu, beliau tidak pernah meninggalkan parti itu, malah sentiasa bersama membantu menyelesaikan masalah dan menyokong Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadapi pelbagai krisis termasuk isu Semangat 46 dan pindaan perlembagaan.

Beliau berkata, alasan untuk memperkuatkan perpaduan parti dengan membangkitkan isu kontroversi berhubung ucapannya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Tumpat, 30 April lalu, adalah tidak munasabah kerana ia hanya disebar kepada media seminggu selepas itu.

Katanya, jika benar ucapannya menentang dasar dan prinsip parti sehingga kononnya menyebabkan perwakilan keluar dari dewan, kenapa perkara berkenaan tidak dibangkitkan serta merta iaitu sehari selepas ucapan itu, berbanding mengambil tempoh selama seminggu.

"Saya sudah menemui Dr Mahathir dan memberi penjelasan berhubung isu itu kepadanya. Tidak elok saya memberi ulasan panjang dan terserah kepada Presiden jika mahu mengulas mengenainya.

"Sekarang, pita rakaman ucapan saya sudah sampai ke pihak atasan dan saya berharap ia tidak disunting dan perlu dikaji.

"Saya sedia menerima sebarang keputusan disiplin atau sebaliknya tetapi saya percaya Majlis Tertinggi (MT) dan Presiden parti mendapat maklumat sebenar mengenainya," katanya kepada pemberita ketika ditemui di majlis perasmian bangunan baru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Kuang Hwa, di sini semalam.

Fauzi berkata, mungkin ada agenda tertentu di sebalik isu berkenaan dan dia difahamkan perkara itu dibawa ke mesyuarat MT oleh Timbalan Menteri di JPM, Datuk Ibrahim Ali, Isnin lalu.

Bagaimanapun, katanya, dia berbangga kerana Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, tidak mahu membuat kesimpulan berhubung isu itu, sebaliknya menyerahkan perkara berkenaan kepada MT untuk siasatan lanjut.

"Saya terkejut kerana dakwaan kononnya perwakilan marah dengan ucapan saya dan meninggalkan dewan, tetapi sepanjang pengetahuan saya, perkara itu tidak berlaku.

"Saya sudah membuktikan kesetiaan dan sentiasa mempertahankan Presiden dan parti yang saya anggotai. Saya tidak tahu sama ada orang yang mengkritik dan mempersoalkan kesetiaan saya mempunyai rekod yang sama dengan saya dalam parti atau sebaliknya," katanya.

Fauzi berkata, dia akur dengan apa jua tindakan disiplin parti yang akan diambil terhadapnya.

"Intipati ucapan saya dua minggu lalu ialah tidak hina saya mengiktiraf Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai kawan tetapi yang penting, kita perlu kekalkan ketaatan kepada pimpinan sedia ada dan mesti berdisiplin kerana itu jalan untuk menyelamatkan parti," katanya.

(END)